

# UPM terpilih lokasi baru ibu pejabat Persatuan Perikanan Asia

Oleh Noor Azlina Zainudin  
azlina@nstp.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) terpilih sebagai lokasi baru ibu pejabat sekretariat Persatuan Perikanan Asia (AFS) yang akan dipindahkan dari Manila, Filipina, mulai bulan ini.

UPM berjaya menewaskan saingan tiga institusi pendidikan Thailand yang turut menawarkan diri iaitu Asian Institute of Technology, Network of Aquaculture Centres in Asia-Pacific, dan Chulalongkorn University Thailand.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata pihaknya menyambut baik usaha sama dengan AFS untuk meluaskan jaringan dalam bidang akademik dan penyelidikan, sekali gus mampu meningkatkan industri akuakultur dan perikanan di Malaysia.

Katanya, usaha sama itu meliputi kerjasama intelektual dan pengendalian latihan di dalam negara serta antarabangsa seterusnya menggalakkan kegiatan membangkitkan industri perikanan.

"Industri akuakultur serta perikanan dikenal pasti salah satu kunci pertumbuhan ekonomi negara dan kehadi-

ran AFS yang juga organisasi perikanan terkemuka membuka pintu untuk mencapai matlamat tersebut.

"Jabatan Akuakultur UPM akan turut mendapat faedah daripada jaringan teknologi akuakultur dan sains akuatik AFS pada peringkat global.

"Bagi kepentingan negara, UPM akan mendapat faedah kepakaran AFS untuk meningkatkan industri perikanan dan akuakultur di sini," katanya selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara UPM dan AFS di Serdang, baru-baru ini.

MoA itu ditandatangani Nik Mustapha, manakala AFS diwakili Presidennya, Prof Yang Yi dari China dan disaksikan Pengarah Institut Biosains UPM, Prof Dr Fatimah Md Yusoff serta Setiausaha AFS, Prof Dr Roshada Hashim.

Pada majlis sama, Yang Yi turut menyampaikan anugerah pingat emas AFS kepada UPM sebagai menghargai peranan universiti itu dalam meningkatkan bidang perikanan dan akuakultur.

MoA lima tahun itu bertujuan meningkatkan industri akuakultur dan perikanan di Malaysia, manakala UPM akan menyediakan pejabat untuk kakitangan AFS dengan kemudahan

asas yang mencukupi di Institut Biosains bagi memudahkan urusan pentadbirannya.

Sementara itu, Yang Yi dalam ucapannya, berkata AFS akan membantu UPM menambah rangkaian bidang perikanan dan akuakultur, selain meningkatkan projek kerjasama universiti itu dengan agensi berkaitan perikanan tempatan serta antarabangsa.

"Menerusi MoA ini, pelajar dan kakitangan UPM memperoleh akses percuma bagi penerbitan AFS yang akan ditempatkan di perpustakaan universiti itu untuk tujuan pembelajaran serta penyelidikan.

"Sekretariat AFS juga akan membantu UPM mengendalikan persidangan, seminar dan bengkel berkaitan perikanan serta akuakultur.

"Kewujudan sekretariat ini bakal menyaksikan ramai pelawat antarabangsa seperti saintis, ahli akademik dan pegawai perikanan mengunjungi kampus itu kerana AFS mempunyai jurnal saintifik yang diedarkan ke seluruh dunia," katanya.

AFS yang ditubuhkan pada 1984 dan beribu pejabat di Manila sebelum ini memiliki kira-kira 3,000 ahli dari 77 negara termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Amerika Selatan, Afrika dan Eropah.



**YANG YI** (kanan) menyampaikan anugerah pingat emas AFS kepada Nik Mustapha selepas majlis menandatangani MoA di Serdang, baru-baru ini.

Anjuran:

**BERITA HARIAN**

**Didik**

**KLINIK UPSR 2009 (FASA 1)**

**Penganjuran:**  
Unit Pendidikan, Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) menerusi akhbar Didik.

**Pengisian:**  
Strategi belajar secara sistematik.

**Mata Pelajaran:**  
Bahasa Melayu (Kod: 1)

Lengkapkan borang penyertaan dan poskan kepada urus setia atau daftar terus di pejabat cawangan BHSB berdekatan.

**Masa:**  
Darulussalam, Serdang

**Yuran:**  
RM120.00

**Pertanyaan:** 03-22822323  
samb.4761/4912  
(Muhd Fakhri/Rosdi/Nurainan)  
03-20569863 (Khusairi)